

KHUTBAH JUMAAT

“MENCONTOHI RASULULLAH SAW DALAM KASIH DAN SAYANG BERKELUARGA”

(22 November 2024M/ 20 Jamadilawal 1446H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا،
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يُضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ
لَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menghilangkan pahala Jumaat dengan berbual-bual, menggunakan telefon dan sebagainya. Pada hari ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk:

“Mencontohi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Dalam Kasih Dan Sayang Berkeluarga”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Kehidupan berkeluarga adalah tanda kebesaran Allah *subhanahu wata'ala*. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah ar-Rum, ayat 21:

وَمِنْ ءَايَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ
بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً ۗ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ (٢١)

Maksudnya: *Dan antara tanda-Nya (yang membuktikan kekuasaan dan rahmat-Nya), bahawa Dia menciptakan untuk kamu (kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikan-Nya antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang yang berfikir.*

Dalam kitab tafsir *Jami' al-Bayan an Ta'wil Aayi al-Qur'an* karya Imam Ibnu Jarir at-Thabari, menjelaskan Surah ar-Rum ayat 21 diturunkan, kerana adanya hubungan tali pernikahan. Dalam sebuah tali pernikahan, Allah menghadirkan kasih sayang yang dapat membuat pasangan pengantin saling mengasihi antara satu dengan yang lain. Rasa kasih sayang yang timbul ini, merupakan salah satu tanda dari kebesaran Allah *subhanahu wata'ala*.

Oleh sebab itu, setiap ahli keluarga hendaklah bersama mengorak langkah membina keharmonian dan kebahagiaan keluarga. Kesibukan masing-masing dengan kerjaya dan sebagainya tidak boleh dijadikan sebagai alasan untuk kita mengambil mudah dalam menyantuni, memberikan perhatian dan kasih sayang kepada keluarga.

Contoh teladan yang terbaik bagi kita sebagai umat Islam dalam semua aspek kehidupan termasuklah menyantuni keluarga adalah Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*. Sesungguhnya, dalam kehidupan harian Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* terdapat begitu banyak contoh yang menunjukkan sifat rahmat dan kasih sayang yang begitu menyerlah di dalam kehidupan berkeluarga Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*. Hal ini ditegaskan oleh Allah *subhanahu wata'ala* melalui firman-Nya dalam Surah al-Ahzab, ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ
الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا (٢١)

Maksudnya: *Demi sesungguhnya, pada diri Rasulullah itu ada contoh ikutan yang baik bagi kamu, iaitu bagi orang yang mengharap (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta banyak menyebut dan mengingati Allah.*

Kaum muslimin yang berbahagia,

Terdapat tiga aspek utama dalam kehidupan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* yang boleh diterapkan dalam keluarga kita:

Pertama: Kemesraan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersama keluarga.

Baginda *sallallahu alaihi wasallam* bukan sahaja melayani keluarganya dengan baik, tetapi juga menunjukkan kasih sayang dalam apa jua keadaan. Sayyidatina Aisyah *radiallahu anha* pernah meriwayatkan sebuah hadis yang maksudnya:

((Rasulullah sallallahu alaihi wasallam bersandar di pangkuanku ketika aku sedang dalam keadaan haid, lalu baginda membaca al-Quran."))

(Hadis diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari).

Begitu mesra layanan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* terhadap isterinya. Kemesraannya tidak hilang walaupun isterinya berkeuzuran untuk melakukan ibadah. Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* tetap melibatkannya bersama dan memberikannya perhatian.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Aswad bin Yazid yang bermaksud:

((Aku bertanya kepada Aisyah radiallahu anha: "Apakah yang dilakukan Rasulullah sallallahu alaihi wasallam di dalam rumahnya? Aisyah radiallahu anha menjawab: "Baginda selalu membantu pekerjaan isterinya dan apabila tiba waktu solat, baginda keluar menunaikan solat.))

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Begitulah sifat kasih sayang antara suami-isteri yang saling melengkapi antara satu sama lain dalam menjalani kehidupan. Bagi yang bergelar suami, ini adalah peluang anda mempraktikkan sunnah nabi *sallallahu alaihi wasallam* dan sekaligus menjadi suami mithali.

Kedua: Rahmat dan kelembutan.

Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* juga terkenal dengan sifat rahmat dan kelembutan, terutama terhadap golongan muda. Baginda tidak marah atau cepat menghukum ketika berhadapan dengan suatu situasi. Sebaliknya beliau sentiasa menunjukkan sifat rahmat.

Seorang sahabat bernama Anas bin Malik *radiallahu anhu* diserahkan oleh ibunya kepada Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* sebagai pembantu ketika berusia hanya 10 tahun. Setelah meningkat dewasa, beliau pernah berkata:

“Aku telah berkhidmat kepada Rasulullah sallallahu alaihi wasallam selama sepuluh tahun. Baginda tidak pernah berkata kepadaku, ‘Uff’ (sebagai tanda tidak suka), dan tidak pernah mempersoalkan tentang sesuatu yang aku lakukan (dengan berkata), ‘Mengapa engkau lakukan itu?’ atau sesuatu yang aku tidak lakukan (dengan berkata), ‘Mengapa engkau tidak lakukan itu?’”

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Sekali lagi, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* menunjukkan cara menyemai sifat rahmat dan berlembut dalam keluarga, meskipun Anas bin Malik *radiallahu anhu* hanya seorang pembantu. Kita perlu

berusaha melayani keluarga dengan sebaiknya. Berikanlah mereka kepercayaan. Pupuklah keyakinan diri mereka. Jangan biarkan emosi dan sifat terburu-buru menguasai penilaian kita. Bagi yang bergelar bapa, yang lebih dewasa dan golongan senior, inilah peluang anda menjadi contoh keperibadian Muslim yang baik untuk generasi muda.

Ketiga: Menghormati golongan tua.

Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* menjadi yatim seawal enam tahun. Baginda *sallallahu alaihi wasallam* begitu menghargai kasih sayang ahli keluarga yang menjaganya dan mengasuhnya. Antaranya, bapa saudara baginda Abu Talib. Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* sedar bahawa bapa saudaranya ini banyak berjasa kepadanya. Sekalipun Abu Talib tidak melafazkan kalimah syahadah sehingga akhir hayatnya, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* tidak pernah menjadikan itu sebab untuk baginda mengangkat suara, membantah, atau berhenti menghormati bapa saudaranya itu.

Jelaslah, sikap yang ditunjukkan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* ini selari dengan sabdanya yang bermaksud:

((Sesiapa yang berbuat baik kepadamu, maka balaslah (setimpal dengan perbuatan tersebut)).

(Hadis riwayat Imam Abu Daud).

Bagi generasi muda, inilah peluang anda menyantuni mereka yang lebih berusia. Ketepikan keegoan sekiranya anda berselisih pandangan. Sebaliknya, pandanglah mereka yang lebih dewasa dengan pandangan hormat dan kasih sayang.

Kaum muslimin yang berbahagia,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita bersama-sama mengambil pengajaran dan penghayatan daripada khutbah ini, iaitu:

Pertama: Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah menunjukkan kepada umatnya bahawa keluarga adalah salah satu sumber motivasi untuk kita berusaha bagi memperolehi keredaan Allah *subhanahu wata'ala*.

Kedua: Umat Islam hendaklah melayani ahli keluarganya dengan baik serta menunjukkan kasih sayang, belas kasihan dan lemah lembut dalam apa jua keadaan.

Ketiga: Umat Islam hendaklah menyantuni orang yang lebih berusia dengan pandangan hormat dan kasih sayang.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Furqan, ayat 74:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا (٧٤)

Maksudnya: *Dan juga mereka (yang diredai Allah itu ialah orang) yang berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan kami, kurniakanlah kami beroleh dari isteri-isteri dan zuriat keturunan kami penyejuk mata (perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya), dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang yang (mahu) bertakwa.*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،
فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama terus mengimarahkan masjid dengan melaksanakan solat fardu secara berjemaah dan berusaha memperbaiki keikhlasan dalam setiap amalan kita. Sesungguhnya keikhlasan adalah intipati kepada semua ibadah yang kita laksanakan. Selain itu, pastikan makanan yang diambil adalah yang diyakini halal lagi baik agar kehidupan kita diberkati dan dimakbulkan segala doa kita.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyak berselawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* sebagaimana perintah Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang serta penyalahgunaan dadah. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam aqidah, ibadah dan akhlak. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.